



Alat tekanan saluran pernafasan terkecil di dunia.



Abdullah Sani mencuba CPAP AirMini sambil diperhatikan dari kiri Dylan dan Ahmad Nazrun (dua dari kiri) selepas majlis pelancaran alat itu di Lobi Utama Hospital Canselor Tuanku Muhriz, di Kuala Lumpur, semalam.

6 juta rakyat Malaysia kuat berdengkur

EARTISTIC (1083902-07)
HEARING AND BALANCE CENTRE

Jualan Akhir Tahun

1 - 31 DISEMBER 2017



DISKAUN SEHINGGA **50%** UNTUK ALAT BANTU PENDENGARAN

SONIC
HEARING AID

*tertakluk kepada terma dan syarat

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:
+603 - 5524 6575 (SHAH ALAM)
+603 - 7733 8575 (KUALA LUMPUR)
+609 - 719 9079 (KOTA BHARU)
+604 - 440 0020 (SG PETANI)
+6017 - 7856418 (JOHOR BAHRU)

www.eartistic.com.my | admin@eartistic.com.my | eartistichearing | eartisticmalaysia

➔ Penghidap OSA berisiko nafas terhenti ketika tidur, sakit kronik

Oleh **Fatin Hafizah Mohd Shahr**
fatin@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Hampir 20 peratus penduduk di negara ini menghidap penyakit tidur berdengkur atau Obstructive Sleep Apnea (OSA) yang boleh menyebabkan pernafasan terhenti sewaktu tidur akibat saluran pernafasan terhalang.

Kajian Yayasan Tidur Kebangsaan Amerika Syarikat sebelum ini, mendapati lebih 6 juta rakyat di Malaysia menghidap OSA menyebabkan masalah kesihatan yang serius dalam jangka panjang, jika tidak segera dirawat.

Pakar Bedah Kanan Otorinolaringologi (ENT) PPUKM, Prof Datuk Dr Abdullah Sani Mohamed, berkata situasi itu turut membimbangkan kerana lebih dua juta pesakit memerlukan rawatan intensif bagi mengatasi penyakit, selain perlu mengamalkan rutin

hidup sihat. Katanya, pemeriksaan OSA juga perlu dilakukan bagi mengelakkan penyakit yang berkaitan seperti tekanan darah tinggi, penyakit kardiovaskular (berkaitan jantung) dan diabetes.

"OSA biasanya menunjukkan pelbagai gejala dan paling umum ialah dengkur keras diikuti kerap terjaga semasa tidur sama ada disedari pesakit atau sebaliknya.

"Tidur yang tidak berkualiti boleh menyebabkan keletihan, mengantuk berlebihan, sakit kepala pada awal pagi, prestasi yang lemah, peningkatan kemalangan jalan raya, hilang tumpuan dan gangguan hormon bagi wanita.

Dapatkan rawatan

"Justeru, mereka yang mengalami tidur berdengkur dimasihati membuat pemeriksaan di hospital bagi mengetahui punca dan mendapat rawatan awal," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran alat tekanan saluran pernafasan Continuous Positive Airway Pressure (CPAP) AirMini pertama yang terkecil di dunia, di Lobi Utama Hospital Canselor Tuanku Muhriz, di sini, semalam.

CPAP AirMini seberat 300 gram (g) itu dilancarkan julung kalinya di negara ini. Mesin ini lebih mudah di-

bawa dan dikendalikan bagi pesakit yang kerap mengembara, terutama untuk digunakan dalam perjalanan penerbangan sebagainya.

AirMini adalah hasil inovatif dari syarikat perintis dalam rawatan apnea tidur dari Australia, ResMed yang pernah membangunkan CPAP pertama pada 1989.

Yang turut hadir Wakil Pengarah PPUKM, Prof Dr Ahmad Nazrun Shuid, Pengurus Pemasaran Segmen ResMed (Malaysia Sdn Bhd), Dylan Tan dan Timbalan Pengurus Unit Perniagaan Bahagian Tidur, Chew Han Tak.

Dr Abdullah Sani berkata, ketika ini salah satu kaedah rawatan utama biasa digunakan penghidap OSA ialah dengan penggunaan CPAP bagi membantu pesakit bernafas secara bebas semasa tidur.

"Tekanan udara yang dihasilkan oleh CPAP bertindak menghalang saluran pernafasan pesakit menjadi sempit atau tertutup ketika bernafas.

"CPAP bantu membuka saluran pernafasan yang tersumbat dan memudahkan bernafas serta menghilangkan dengkur.

"Hasilnya, penghidap dapat memperbaiki kualiti tidur dan rawatan ini juga membantu kurangkan tekanan salur darah arteri pulmonari," katanya.

Sulati Asri

sulati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kira-kira enam juta rakyat Malaysia dianggarkan menghidap Sindrom Tidur Berapnea atau Obstructive Sleep Apnoea (OSA) dan hampir dua juta daripada jumlah itu memerlukan rawatan intensif.

Kaedah paling berkesan untuk rawatan OSA

adalah menggunakan mesin Continuous Positive Airway Pressure (CPAP), namun kebanyakan mesin CPAP ini bersaiz besar, berat dan sukar dibawa serta dikendalikan terutama bagi pesakit yang kerap mengembara.

Justeru, bagi memudahkan pesakit OSA, Jabatan Otorinolaringologi (ENT) Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) menerusi Pakar Bedah Kanan ENT, Prof Datuk Dr Abdullah Sani Mohamed dengan kerjasama EASMED

Sdn Bhd melancarkan Mesin AirMini CPAP terkecil di dunia peringkat kebangsaan, di sini, semalam.

Menurut Dr Abdullah, OSA adalah penyakit di mana pesakit gagal bernafas semasa tidur kerana ketika itu saluran pernafasan akan sempit dan hal ini secara tidak langsung menyukarkan si pesakit untuk memperoleh tidur yang lena.

"Biasanya, penyakit ini boleh dirawat menerusi pembedahan tetapi jika ia tidak dapat diatasi dengan pembedahan,

penggunaan mesin CPAP adalah jalan penyelesaiannya. Tetapi ia perlu digunakan selamanya.

"Perkara ini pastinya menyukarkan pesakit terutama apabila mereka perlu tidur di tempat lain atas sebab bercuti, mengembara, atau urusan kerja di luar. Jadi, dengan adanya Mesin AirMini CPAP terkecil di dunia ini, pesakit boleh membawanya ke mana saja dan boleh tidur dengan lena.

"Ia sekali gus membuatkan mereka lebih produktif, tidak mengantuk di siang

"Biasanya, penyakit ini boleh dirawat menerusi pembedahan tetapi jika ia tidak dapat diatasi dengan pembedahan, penggunaan mesin CPAP adalah jalan penyelesaiannya"
Dr Abdullah Sani Mohamed



HARIAN METRO



DR Abdullah Sani (kanan) mendengar penerangan mengenai mesin CPAP terkecil di dunia.

Terkecil di dunia

■ **Jabatan ENT PPUKM, EASMED lancar Mesin AirMini CPAP**

hari dan ceria," katanya. Pelancaran Mesin AirMini CPAP ini disempurnakan Timbalan Dekan (Siswazah

dan Perhubungan Antarabangsa) Prof Dr Ahmad Nazruin Shuid. Turut hadir, Pengurus Pe-

masaran Segmen - Saluran Profesional Baru Asia ResMed (Malaysia) Sdn Bhd Dylan Tan, Pengarah Easmed

Sdn Bhd Erwin Kua dan Timbalan Pengurus Unit Perniagaan Bahagian Tidur Chew Han Teak.

WELCOME
DELEGATES
&
VISITORS

EASMED



ResMed

EASMED

WHEN I WAS ON THE ROAD
MY SLEEP THERAPY STAYED HOME.
NOW IT'S MY FAVOURITE TRAVEL PARTNER.



Rewrite your
bedtime

Discover more at airrrwi.com

EASMED


THE


(Ai



Re







WHEN I WAS ON THE ROAD
MY SLEEP THERAPY STAYED HOME.
NOW IT'S MY FAVOURITE TRAVEL PARTNER.



Rewrite your
bedtime stories
www.airmini.com.my



THE WORLD'S SMALLEST CPAP MACHINE IS HERE!

Majlis Pelancaran AirMini[™] CPAP
oleh Syarikat EASMED Sdn. Bhd. Dengan Kerjasama Pusat Perubatan UKM
(AirMini[™] CPAP Official Launch by Easmed Sdn Bhd in Collaboration with Pusat Perubatan UKM)

Khamis, 7 Disember 2017
Lobi Utama Blok Klinikal
Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan UKM




Alamat: 12000 Kajang
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Pusat Perubatan UKM
Untuk maklumat lanjut sila lawati
www.airmini.com.my



My sleep therapy
used to not
a suitcase!
it's one.
Now it fits in
my suitcase!





THE WORLD'S SMALLEST CPAP MACHINE

Majlis Pelancaran CPAP
oleh Syarikat EASMED Sdn. Bhd. Dengan Pusat Perubatan
(AirMini CPAP) by Easmed Sdn Bhd. in collaboration with Pusat Perubatan

Khamis, 7 Disember
Lobi Utama
Kuala Lumpur



ResMed AirMini

*My sleep therapy
used to need
a suitcase of
its own.
Now it fits in
my seat pocket.*



Rewrite
body:



EASMED

www.easmed.com